

|                    |   |                          |                         |
|--------------------|---|--------------------------|-------------------------|
| <b>Publication</b> | <b>Berita Harian</b>                      | <b>Section /Page No.</b> | <b>Varsiti / Pg. V6</b> |
| <b>Date</b>        | <b>Thu, 22<sup>nd</sup> Sept 2016</b>     | <b>Lead Article</b>      | <b>No</b>               |
| <b>Headline</b>    | <b>Kosiswa Unimas Raih Geran RM10,000</b> |                          |                         |

## KOSISWA UNIMAS raih geran RM10,000



**Pasukan KOSISWA UNIMAS Berhad** yang menyertai program High Performance Student Co-Operatives 2016.

**Kota Samarahan:** Koperasi Siswa Universiti Malaysia Sarawak (KOSISWA UNIMAS) Berhad bawah Pusat Pembangunan Keusahawanan (PPK) universiti, menyertai program High Performance Student Co-Operatives 2016 untuk julung kali di Kelana Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Pasukan itu diwakili tiga pelajar UNIMAS, iaitu Abdul Muhaimin Ruslim dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Mohamad Nadzjib Rageli (Fakulti Sains dan Teknologi Sumber) dan Khairunnisa Jalal (Fakulti Sains Sosial).

Pengarah PPK, Prof Madya Dr Mohammad Affendy Arip, berkata KOSISWA UNIMAS Berhad muncul antara 30 pasukan daripada 75 Koperasi Siswa dan Vokasional

seluruh negara, terpilih ke peringkat separuh akhir serta berjaya membawa pulang geran permulaan projek berjumlah RM10,000.

"Pasukan KOSISWA UNIMAS Berhad mempertandingkan idea perniagaan Perkhidmatan Pencetakan pada peringkat saringan dan suku akhir," katanya.

### **Penanda aras**

Dr Mohammad Affendy berkata, perniagaan dibangunkan itu akan membantu memantapkan kemahiran dan kemajuan bidang keusahawanan, malah menjadi penanda aras kepada bisnes KOSISWA UNIMAS Berhad.

Beliau yang juga Penasihat pasukan itu berkata, program High Performance Student Co-Operatives

2016 bertujuan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan mengetengahkan kreativiti dan inovasi melalui penciptaan produk serta perkhidmatan.

"Program ini mampu memberi pendedahan perniagaan secara 'hands-on' kepada pelajar yang menyertai koperasi siswa, selain menjadi platform pembangunan modal insan berdaya maju dalam bidang keusahawanan.

Program itu dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) serta Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).